

# Pertandingan peringkat antarabangsa diatur

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi), buat kali pertama akan menganjurkan satu pertandingan silat di peringkat antarabangsa tidak lama lagi.

Pada masa yang sama, persekutuan itu akan menghantar sekumpulan pesilat untuk menyertai pertandingan silat dalam Sukan Asia Tenggara (SEA) di Jakarta tahun depan.

**28 OCT 1986**

Ini adalah antara beberapa kegiatan yang sedang dirancang oleh Persisi dalam usahanya memajukan dan mengembangkan seni silat di peringkat antarabangsa.

Rancangan meluaskan kegiatan silat itu telah diberitahu oleh Presiden Persisi yang baru dipilih, Haji Abdul Rahim Dayan, selepas mesyuarat agung di Witanun, Ahad lalu.

Menurut Haji Abdul Rahim, dua tahun yang akan datang merupakan tahun yang akan membawa perubahan dari segi struktur pertubuhan dan corak kegiatan, sesuai dengan perubahan keadaan.

Menerangkan lebih lanjut tentang pertandingan antarabangsa itu, Haji Abdul Rahim berkata pertandingan yang akan dianjurkan sekitar Mac-Jun 1988 itu akan disertai oleh kira-kira 250 orang pesilat dari 11 buah negara Eropah dan Amerika serta tiga buah negara Asean termasuk Singapura.

## Mula bincang

Ini adalah kali ketiga pertandingan serupa itu diadakan. Kali pertama ialah di Jakarta dalam 1984 dan kali kedua di Vienna tahun ini.

Perbincangan untuk menganjurkan pertandingan itu dengan kerjasama Persatuan Rakyat (PA) dan Majlis Sukan Singapura (SSC) telah pun dimulakan.

Ia akan berlangsung selama tujuh hari dan lebih bercorak olahraga. Acara pertunjukan kesenian silat akan diselitkan sebagai acara selingan.

Semasa pertandingan itu berjalan, satu kongres selama dua hari mengenai silat, perkembangan dan pentadbirannya akan diada-

kan.

Persisi akan juga menganjurkan satu seminar dua hari untuk perguruan-perguruan silat setempat, khusus bagi membincangkan silat dan perkembangannya di sini.

Haji Abdul Rahim mengharapkan semua perguruan, kerabat dan pesilat memberikan kerjasama mereka supaya usaha meningkatkan taraf silat ke peringkat antarabangsa dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Beliau menyeru perguruan-perguruan silat supaya mencari sejarah perguruan masing-masing agar ia dapat dibukukan dan berguna untuk pencinta silat dan generasi akan datang.

## Tidak seragam

Beberapa rancangan lain seperti penubuhan kelab silat di balai-balai rakyat juga sedang diatur. Pelaksanaannya akan dijaga oleh Persisi, sementara PA pula telah diminta memberikan kemudahan yang diperlukan dari masa ke masa.

**28 OCT 1986**

Satu lagi perkara yang akan diusahakan oleh Persisi ialah menyeragamkan pakaian para pesilat agar lebih kelihatan kemelayuan. Buat masa ini, pakaian yang ada tidak seragam dengan sebahagian daripada pakaian silat kurang memaparkan seni Melayu.

Akan turut diseragamkan ialah pembayaran yuran kelas silat dan *grading* para pelatihnya.

Menurut Haji Abdul Rahim lagi, semua perguruan telah juga dinasihatkan supaya memastikan bahawa tiga pesilat yang dilantik menjadi jurulatih haruslah mempunyai empat aspek persilatan, iaitu kekuatan rohani, kesenian, bela-diri dan olahraga.

Perlantikan jurulatih pula harus dibuat menerusi Persisi dengan tujuan mempercepatkan proses penyesuaian dari Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (Macu).